



PERBADANAN ASET KERETAPI
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA

KENYATAAN SEBUT HARGA

TARIKH: 13 OGOS 2025

Sebut Harga adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor **Bumiputera** yang berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB)** dalam gred, kategori, pengkhususan dan jenis pendaftaran yang berkaitan serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi kerja-kerja berikut :

TAJUK PROJEK	SYARAT KELAYAKAN	HARGA DOKUMEN & BAYARAN ATAS NAMA	TARIKH DOKUMEN MULA DIJUAL & MUAT TURUN
NO. SEBUT HARGA: RAC.K-B/02/25 SEBUT HARGA KERJA-KERJA PEMBAIKAN DAN PEMBERSIHAN 23 UNIT RUMAH DI LIMA (5) BLOK KUARTERS (FA, FB, FC, FD DAN E1) MILIK PERBADANAN ASET KERETAPI SERTA LAIN-LAIN KERJA YANG BERKAITAN DI KUARTERS MYRA BATU GAJAH, PERAK	Status: Bumiputera Gred: G3 (Negeri Berkenaan – Perak) Pengkhususan: B24 – Kerja Penyenggaraan Bangunan <u>Nota:</u> Kebenaran khas tidak untuk dibenarkan bidang pengkhususan kerja yang telah ditetapkan	Harga Dokumen: RM50.00 (Tidak akan dikembalikan) Perbankan Atas Talian ke atas nama Perbadanan Aset Keretapi	<u>Tarikh Jualan Dokumen:</u> 18 Ogos 2025 (Isnin) – 20 Ogos 2025 (Rabu) <u>Tarikh Muat Turun Dokumen:</u> 21 Ogos 2025 (Khamis) – 27 Ogos 2025 (Rabu) <u>Catatan:</u> Dokumen akan diberi melalui storan dalam talian (<i>Cloud</i>). Pautan muat turun Dokumen dan kata laluan akan diberikan setelah Petender mengemukakan slip bukti transaksi bayaran.

SESI TAKLIMAT SEBUT HARGA dan **LAWATAN TAPAK** adalah **DIWAJIBKAN** sepertimana ketetapan berikut:

Tarikh : **18 Ogos 2025 (Isnin)**
Masa : **10:00 pagi**
Tempat : **Blok FA, Kuarters MyRA, Batu Gajah, Perak**
GPS : **4.4586541690402965, 101.05413288729471**

Hanya penyebut harga yang telah memenuhi syarat ditetapkan adalah layak untuk menyertai sesi taklimat dan lawatan tapak.

Bagi sesi taklimat dan lawatan tapak, **hanya penama yang tercatat di dalam Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** yang dibenarkan menghadiri sesi taklimat dan lawatan tapak. Kontraktor **TIDAK BOLEH** mewakili individu selain daripada penama dalam PPK dan SPKK. Sila bawa bersama Sijil **ASAL** Pendaftaran **PPK, SPKK** dan **STB** beserta satu **SALINAN** sijil-sijil tersebut dan **cap syarikat**.

Hanya penyebut harga yang telah menghadiri Taklimat/ Lawatan Tapak Sebut Harga boleh membuat pembayaran secara atas talian dalam tempoh penjualan yang telah ditetapkan. Slip bayaran perlu dikemukakan melalui emel kepada perolehan@rac.gov.my dan disalinkan kepada finance@rac.gov.my sebagai bukti pembayaran.

TARIKH TUTUP SEBUT HARGA :
28 Ogos 2025 (Khamis)
Jam 12:00 tengah hari

Sebarang kelewatan dalam penghantaran dokumen sebut harga tidak akan diterima. Dokumen Sebut Harga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri dengan mencatatkan **Tajuk dan No. Sebut Harga di penjuru kiri sebelah atas sampul** dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di alamat :-

Ketua Pegawai Eksekutif,
Perbadanan Aset Keretapi,
27-1, Sentral RAC,
No.16 Jalan Tun Sambanthan,
Brickfields,
50470, Kuala Lumpur.